

Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Kadang kala, ada baiknya jika kita dapat melihat diri kita sendiri di hadapan cermin dan melakukan muhasabah diri. Saya rasa hanya dengan cara ini, kita dapat menyedari segala kebaikan dan juga kejahatan yang telah kita lakukan.

Maaflkan saya jika imaginasi saya ini tidak benar. Saya berasa terkejut apabila mendapati semakin ramai generasi muda yang terlibat dengan jenayah kejam. Keadaan menjadi lebih teruk apabila warga yang sudah berumur juga terlibat sedangkan mereka yang sepatutnya menasihati atau memberi panduan pada yang muda.

Apabila insiden-insiden ini berlaku secara terang, sesetengah daripada kita tidak dapat menerima hakikat ini. Kita akan menuding jari kepada agensi kerajaan kerana gagal memeranginya. Sebenarnya, bukan agensi kerajaan tidak melaksanakan tanggungjawab mereka, tetapi setiap yang dilakukan ada hadnya. Adakala ianya ibarat 'mencurahkan air ke daun keladi'.

Renungkan beberapa kes yang berikut. Seorang pelajar lelaki yang ponteng sekolah lebih daripada sebulan. Beberapa surat dihantar kepada ibu-bapa pelajar ini. Malangnya tiada respon daripada mereka. Rupa-rupanya, pelajar ini telah mengambil surat-surat berkenaan dan mengoyakkannya bagi memastikan ibubapanya tidak tahu tentang apa yang sebenarnya berlaku. Pelajar ini sepatutnya hadir ke sekolah setiap hari. Tetapi, sehingga separuh jalan, dia menukarkan pakaian sekolahnya dan berkumpul dengan kawan-kawannya. Diringkaskan cerita, pihak sekolah telah menghantar polis disiplin bersama dengan seorang pegawai polis ke rumah pelajar ini bagi memeriksa keadaan sebenar kepada ibubapanya. Malangnya, ibu pelajar ini menjentik. *'Awak semua memang tak boleh harap! Anak saya seorang yang sangat baik.'*

Terdapat satu lagi insiden, seorang pelajar sekolah yang sering merokok di sekolah dan mendera pelajar-pelajar lebih muda. Dia telah ditegur

beberapa kali oleh guru disiplin. Satu pagi, pengetua sekolah terkejut apabila bapa pelajar ini mengheret anaknya ke bilik pengetua dan dengan sombongnya meletakkan kerusi berhadapan dengan pengetua dan mengarahkan anaknya supaya duduk. Dia kemudiannya meletakkan sebatang rokok ke dalam mulut anaknya dan berkata: *'Merokoklah dengan puas'*. Dengan girang dan nada menyindir, dia berkata kepada pengetua: *'Ini anak saya, dia boleh buat apa yang dia suka. Saya sentiasa menyokongnya. Dia bebas untuk merokok dan saya hendak lihat apa yang awak akan lakukan kepadanya di depan saya'*.

Mungkin kita terlalu baik, terlalu demokratik, terlalu mengambil berat dan banyak lagi. Kita ingin memberi kebebasan kepada semua. Tetapi, ingatlah bahawa kebebasan seseorang akan berakhir apabila kebebasan orang lain bermula. Bila seseorang muda diberikan terlalu banyak kebebasan, pasti dia akan 'rosak'.

Golongan muda sukar membezakan antara yang baik dan buruk, yang betul tetapi tidak bersopan, tidak mengira perasaan dan sensitiviti orang lain, keperitan dan kesengsaraan orang lain kerana mereka dibesarkan dengan kemewahan. Rosak disini bererti mendatangkan kacau-bilau dan kemudaratan kepada masyarakat.

Bukankah segalanya bermula di rumah? Bukankah tanggungjawab ibu-bapa untuk mendidik, memupuk dan menghukum jika perlu dalam membesarkan anak-anak?

Sebelum seorang lelaki berkahwin, dia seharusnya cukup bersedia untuk memegang tanggungjawab sebagai ketua keluarga lebih-lebih lagi apabila dikurniakan dengan cahaya mata. Saya percaya bahawa anak-anak



Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid
Bin Mohd. Taufek,
Datuk Bandar
Kuala Lumpur

Golongan muda tidak dapat membezakan antara yang baik dan buruk, yang betul tetapi tidak bersopan, tidak mengira perasaan dan sensitiviti orang lain, keperitan dan kesengsaraan orang lain kerana mereka dibesarkan dengan kemewahan...

merupakan anugerah yang tak ternilai dan perlu diberikan perhatian sepenuhnya.

Jika anak kita sendiri rosak dan menyuruh orang lain untuk 'membetulkannya', tidakkah kita berasa malu? Lebih teruk lagi apabila kita menyalahkan orang lain kerana kelemahan kita walhal ianya adalah tanggungjawab kita sendiri.

Orang yang terlibat dengan jenayah secara tertutup juga dikira rosak akhlakannya. Kata-kata dan desakan yang diutarakan nampak mulia dan munasabah. Mereka memberikan keyakinan dan harapan tinggi. Tetapi, hanya Tuhan yang mengetahui muslihat di sebalik perbuatan yang dilakukan.

Pepatah Melayu ada berbunyi: *Kalau keruh di hulu tak akan jernih air di hilir.*

*Artikel ini merupakan terjemahan dari artikel 'Let's look at ourselves first' (Datuk Bandar says...Malay Mail-10 March 2003)

Rencana Pengajaran

Kesihatan merupakan aset yang sangat berharga bagi setiap individu yang hidup di muka bumi. Dengan kesihatan yang baik, manusia dapat melaksanakan tugas dan peranannya dengan berkesan, produktif dan berkualiti.

DBKL melalui kuatkuasa perundangan, prasarana pentadbiran, pendidikan kesihatan, pencegahan penyakit, kawalan mutu makanan dan pemeriksaan terhadap penyedia makanan serta premis perniagaan sentiasa memastikan bahan makanan dan air tidak tercemar.

Namun, untuk memastikan Kuala Lumpur bebas dari sebarang ancaman kesihatan, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing.

Pemilik rumah kediaman hendaklah sentiasa member-
sihkan persekitaran rumah supaya lalat, nyamuk, lipas, tikus dan lain-lain makhluk perosak tidak membiak.

Orang ramai perlu memberi kerjasama dari segi cara membuang sampah yang betul, tidak mengotorkan atau merosakan kemudahan awam serta mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelak wabak penyakit.

Ibubapa perlu menitikkan disiplin dan amalan kesihatan yang baik di kalangan anggota keluarga.

Cara hidup yang sihat dan berfaedah seperti suka beriadah, memilih makanan seimbang, menjauhkan tabiat merokok dan sentiasa memeriksa tahap kesihatan badan patut digalakkan untuk mengujudkan keluarga yang sihat, selamat dan bahagia.

Kesihatan ialah kekayaan yang pertama.
(Daripada pepatah Arab)

KHIDMAT GUAMAN DI DBKL

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menambah lagi khidmat khas untuk masyarakat kota yang berpendapatan rendah. Bermula pada 8 Mac 2003, warga kota boleh mendapatkan khidmat guaman secara nasihat di DBKL.

Perkhidmatan ini disediakan kepada warga kota yang kurang berkemampuan dan memperoleh pendapatan kurang daripada

RM1,000.00 sebulan. Nasihat Undang-undang akan diberikan secara lisan berhubung dengan aduan/ perkara yang dikemukakan oleh orang awam, berkaitan dengan undang-undang yang telah **DIKUATKUASAKAN** oleh DBKL sahaja.

Khidmat guaman ini disediakan pada setiap hari Sabtu bekerja (minggu kedua dan keempat) bermula jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi. Orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan tersebut bolehlah datang ke Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang, DBKL pada hari dan masa yang telah ditetapkan.



**Jabatan Hal Ehwal
Undang-Undang
DBKL, Tingkat 22,
Bangunan DBKL,
Jalan Raja Laut,
50350
Kuala Lumpur**

DRAF PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR 2020

Mengikut Akta (Perancangan) Wilayah persekutuan Kuala Lumpur 1982, pelan struktur merupakan suatu kenyataan bertulis yang mengandungi matlamat, objektif, dasar dan cadangan yang berkaitan dengan pembangunan, guna tanah, kemudahan sosial, ekonomi serta pengurusan lalulintas. Kenyataan bertulis ini disertai dengan gambarajah dan keterangan lain bagi membantu memahami dasar serta cadangan yang dikemukakan.

Pelan Struktur Kuala Lumpur yang pertama bagi tahun 1980 hingga 2000 telah diwartakan dan diterbitkan pada tahun 1984. Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020) akan menggantikan Pelan Struktur Kuala Lumpur 1984 (PSKL'84). Pelan baru ini disediakan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(1), Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).

Pelan Struktur Kuala Lumpur 1984 (PSKL 1984) telah menggariskan 10 matlamat bagi menjadikan Kuala Lumpur pusat komersial dan kewangan negara yang dinamik, efisien dan selesa. Strategi pelan tersebut ialah untuk mengimbangi pembangunan Kuala Lumpur melalui pertumbuhan pembangunan yang sederhana di pusat bandar dan pembangunan yang lebih pesat di pusat-pusat pertumbuhan baru.

Antara manifestasi kejayaan pelaksanaan PSKL 1984 yang dapat dilihat hari ini ialah:

- *Pengujudan empat pusat pertumbuhan baru iaitu Wangsa Maju, Bandar Tun Razak, Damansara dan Bukit Jalil
- *Sistem pengangkutan berasaskan rel iaitu LRT STAR, PUTRA, Monorail dan komuter.
- *Pembinaan rangkaian jalan raya seperti Lebuhraya Baru Lembah Kelang (NKVE), Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2), Lebuhraya Shah Alam dan Lebuhraya Sungai Besi-Puchong.
- *Lebih 40,000 unit perumahan awam telah dibina.
- *Pengujudan beberapa taman metropolitan seperti Taman Tasik Tasneem, Taman Antarabangsa dan Taman Tasik Bukit Jalil serta Taman Tasik Metropolitan Batu dan Kepong.
- *Pelbagai jenis kemudahan masyarakat seperti pusat komuniti, kompleks dan kemudahan sukan, pasar dan pusat penjaja.
- *Pengindahan dan landskap di taman-taman dan sepanjang rangkaian jalan raya.

Kandungan utama Draf PSKL 2020 ialah untuk membangunkan Kuala Lumpur menjadi 'Sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia' dengan persekitaran kerja, kehidupan dan perniagaan serta urus tadbir bertaraf dunia bagi memenuhi keperluan penduduk, pekerja, peniaga dan pelawat. Untuk mencapai wawasan tersebut, lima matlamat telah dikenalpasti iaitu *mempertingkatkan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat komersial dan kewangan antarabangsa, mewujudkan satu struktur bandar raya efisien dan saksama, mempertingkatkan perkitaran hidup, membentuk satu identiti dan imej bandar raya yang tersendiri serta mempunyai urus tadbir yang cekap dan berkesan.*


Draf PSKL 2020 telah dilancarkan oleh Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid bin Mohd Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 10 Mac 2002. Dalam ucapan perasmian, Datuk Bandar telah menyatakan orang awam diberi peluang untuk memeriksa dan membuat bantahan awam (komen atau pandangan) secara bertulis. Orang-orang persendirian, agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pengajian, pertubuhan professional dan lain-lain organisasi boleh mengemukakan pandangan atau ulasan terhadap draf pelan ini melalui borang yang disediakan.

Mana-mana orang awam yang telah

Bagi memastikan Kuala Lumpur dirancang dan dibangunkan untuk memenuhi matlamat sesuai dengan wawasan 'Sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia', orang ramai dan pihak swasta serta semua wakil agensi kerajaan dan organisasi lain adalah dialu-alukan untuk memberi pandangan dan bantahan terhadap cadangan yang terkandung dalam Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020.

memfailkan bantahan bertulisnya dan minta didengar akan dihubungi secara rasmi untuk sesi mendengar bantahan. Semua bantahan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Mendengar Bantahan. Laporan penuh dan pindaan akhir draf pelan struktur akan dikemukakan kepada Menteri untuk kelulusan sebelum Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 diwartakan.

Kaunter disediakan di ruang pameran (lobi utama, bangunan DBKL, Jalan Raja Laut) untuk membolehkan orang ramai mendapatkan borang bantahan awam dan maklumat umum. Laporan draf pelan struktur versi Bahasa Malaysia dijual pada harga RM80.00 senaskah manakala versi Bahasa



Inggeris pada harga RM100.00 senaskah.

Bagi memastikan Kuala Lumpur dirancang dan dibangunkan untuk memenuhi matlamat sesuai dengan wawasan 'Sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia', orang ramai dan pihak swasta serta semua wakil agensi kerajaan dan organisasi lain dialu-alukan untuk memberi pandangan dan bantahan terhadap cadangan yang terkandung dalam Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020.

Datuk Bandar Kuala Lumpur juga berharap agar semua pandangan dan bantahan yang dikemukakan oleh orang ramai hendaklah berasas dan memberi kebaikan dan bermakna kepada Kuala Lumpur.

Orang ramai boleh berkunjung ke bangunan DBKL, Jalan Raja Laut untuk melihat pameran sedang berlangsung di ruang legar bermula dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang setiap hari termasuk cuti umum. Pameran ini berlangsung selama sebulan iaitu sehingga 9 April 2003.

Selain pameran utama, pameran mini bergerak juga diadakan di beberapa pejabat cawangan pada hari-hari bekerja mulai jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang dan di kompleks membeli-belah setiap hari dari jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam.

Sesuai dengan perkembangan ICT, laman web Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang mesra pengguna, memaparkan laporan dalam format *html*, mengandungi ruang *FAQ* (*frequently ask question*) menyenaraikan jawapan bagi soalan-soalan yang sering ditanya dan menyediakan borang bantahan. Laman web ini disediakan bagi memudahkan orang awam memeriksa draf pelan ini mengemukakan bantahan secara maya dengan melayari laman web pskl2020.dbkl.gov.my/